



Sambutan Perayaan Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Yang Ke-71 Tahun

**“Mensyukuri Kepimpinan Terutama
Perkhidmatan Ugama Sepanjang
50 Tahun Pemerintahan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam”**

*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*



***Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti
Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam***

D.K.M.B., D.K., Knight Grand Cross (First Class) of The Most Illustrious Order of Chula Chom Klao (Thailand), Member of The Royal Order of The Seraphim (Sweden), The Bejewelled Grand Cordon of Renaissance (Jordan), Grand Cross of the Netherlands - G.K.N.L., (Netherlands), Bintang Mahaputera Adipurna (Republik Indonesia), Grand Order of Mugunghwa (Republik Korea), The Order of Princess Olha, First Class (Ukraine), D.K. (Johor), D.K. (Selangor), D.K. (Kelantan), P.H.B.S.





Randungan

Mukasurat

Potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam	3
Potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam	5
Sekapur Sirih	9
Huraian Tema Majlis Ilmu 2017	13
Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 2016	17
Ikhar	23
Aturcara-Aturcara	27
• Aturcara Majlis Perasmian	28
• Aturcara Forum Perdana	30
• Aturcara Ceramah Perdana	32
Jadual Seminar Majlis Ilmu 2016	33
Senarai Nama Pembentangan dan Tajuk	37
Biodata Pembentang	41
Abstrak Kertas Kerja	77
Gambar-Gambar Ristaan Majlis Ilmu 2016	91
Senarai Ahli Jawatankuasa Majlis Ilmu 2017	101
Penghargaan	113





Sekapur Sirih

Sekapur Sirih

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف المرسلين
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

Segala puji dan syukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, kita dapat mengungkapkahkan Majlis Ilmu bagi tahun 2017 bersempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-71 Tahun.

Majlis Ilmu ini merupakan antara mercu tanda kepimpinan intelektual dan dinamik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ianya adalah wadah berterusan untuk menghidangkan ilmu dan maklumat yang sangat bernilai dan bermanfaat kepada rakyat dan penduduk di Negara ini.

Majlis Ilmu pada tahun ini diselenggarakan bersama oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan tema **“MENSYUKURI KEPIMPINAN TERUTAMA PERKHIDMATAN UGAMA SEPANJANG 50 TAHUN PEMERINTAHAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM”**. Tema ini mendorong kita selaku rakyat Negara Brunei Darussalam untuk mensyukuri nikmat dan rahmat yang Allah berikan yang membolehkan kita hidup dalam suasana aman dan damai di bawah pimpinan dan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam perkhidmatan ugama.

Majlis Ilmu 2017 akan menyampaikan pengetahuan dan kefahaman mengenai dengan pendidikan, takmir masjid, dakwah dan syiar, kepimpinan akar umbi, perundangan syariah dan fatwa, dan sosial dan ekonomi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan ugama. Ianya juga bertujuan untuk mengukuhkan peranan undang-undang syariah, institusi pendidikan, institusi kepimpinan akar umbi, serta memantapkan lagi dakwah dan syiar di Negara Brunei Darussalam.

Huraian tema pada tahun ini akan memperjelaskan konsep pemerintahan dan kepimpinan Raja Shaleh dari berbagai sudut melalui Pembentangan Kertas-Kertas Kerja Seminar, Ceramah Khas, Ceramah Perdana dan Forum Perdana dengan mengundang pakar-pakar khusus dalam bidang masing-masing dari dalam dan luar Negara.

Bertepatan dengan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta, Majlis Ilmu pada tahun ini menampilkan satu kelainan dari sudut Aturcara Majlis Perasmian, iaitu ucapan ikrar yang bertujuan untuk memantapkan rasa kesetiaan dan cinta rakyat kepada Raja yang dikasihi, menzahirkan rasa syukur terhadap kesejahteraan dan keharmonian di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan memupuk semangat berpasukan dalam menanai bersama tanggungjawab hal ehwal keagamaan atas dasar Raja adalah Ketua Agama di Negara Brunei Darussalam.

Pameran Majlis Ilmu 2017 yang bertemakan “Raja Shaleh Membawa Berkat” akan mempamerkan kegemilangan 50 tahun perkhidmatan ugama dalam pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Bahan pameran yang berinformasi akan memaparkan latar belakang dan sejarah Islam di Negara Brunei Darussalam, perkembangan ugama dari sudut-sudut pendidikan, dakwah, syiar, perundangan Islam, jaminan sosial dan institusi keluarga, permakanan halal, perkhidmatan awam, dan institusi kepimpinan akar umbi.

Akhirnya, dalam kesempatan ini, sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Jawatankuasa serta pihak yang terlibat dalam memberikan kerjasama, sumbangan tenaga dan buah fikiran ke arah menjayakan Majlis Ilmu 2017. Penghargaan dan ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada pembentang-pembentang Kertas Kerja dari dalam dan luar Negara yang berkesudian mengongsikan ilmu yang sangat bermanfaat semasa Majlis Ilmu 2017 ini. Semoga Allah Subhanahu Wata’ala memberikan ganjaran pahala dan rahmat kepada semua pihak yang memberikan kerjasama dan sumbangan. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Pehin Orang Kaya Seri Kerna
Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang
Abu Bakar bin Haji Apong
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Pehin Orang Kaya Laila Setia
Dato Seri Setia Awang Haji
Abdul Rahman bin Haji Ibrahim
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
dan Menteri Kewangan II (Kedua)

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Othman
Menteri Hal Ehwal Ugama

Selaku
Pengerusi-Pengerusi Bersama
Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu
Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Yang Ke-71 Tahun 2017



*Huraian Tema
Majlis Ilmu 2017*

**MENSYUKURI KEPIMPINAN TERUTAMA PERKHIDMATAN UGAMA
SEPANJANG 50 TAHUN PEMERINTAHAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tema yang digunakan bagi Majlis Ilmu pada tahun 2017 ini mendorong kita selaku Rakyat Negara Brunei Darussalam wajib mensyukuri nikmat dan rahmat yang Allah berikan kepada bumi yang penuh berkat Negara Brunei Darussalam yang sentiasa dalam keadaan aman dan damai di bawah pimpinan dan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam perkhidmatan ugama, secara terang lagi nyata bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan seorang pemimpin yang wajib dipatuhi dan dicontohi kerana menempatkan ugama Islam selaku agama rasmi di Negara Brunei Darussalam, sehinggakan dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 telah termaktub bahawa ugama Islam selaku agama rasmi yang diamalkan dihayati walaupun telah dinyatakan juga bahawa Agama lain boleh diamalkan dan dihayati namun bukan bermakna Islam dipencilkan atau diketepikan malah ugama Islam menjadi tonggak dalam tindak tanduk pentadbiran, kepimpinan dan pengurusan yang dilaksanakan. Perkara ini semakin kukuh lagi apabila falsafah Melayu Islam Beraja diperkenankan selaku falsafah Negara yang patut disanjung tinggi.

Pengisytiharan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam juga telah dititahkan sebagaimana pernyataan “Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin dan limpah kurnia Allah Subhanahu Wata’ala kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljama’ah berasaskan keadilan”.

Pada menjunjung tinggi kedaulatan undang-undang Islam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah memperkenalkan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 yang menjadi undang-undang utama. Perkara ini sangat tinggi nilainya kerana pelaksanaan undang-undang ini membuktikan bahawa syiar Islam di Negara Brunei Darussalam telah mencapai matlamat bagi pembentukan sebuah Negara Zikir. Ini juga menunjukkan sifat kegigihan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang benar-benar berusaha menegakkan ajaran ugama Islam dan mendaulatkannya bagi memperkukuhkan lagi perkhidmatan ugama.

Akta Pendidikan Ugama Wajib merupakan undang-undang yang dikuatkuasakan khusus dalam bidang pendidikan ugama, dan ia bertujuan bagi memantapkan lagi pendidikan ugama di Negara Brunei Darussalam, agar tidak ada keciciran rakyat Negara Brunei Darussalam dalam pendidikan ugama. Ini bererti Kemantapan pendidikan ugama di Negara Brunei Darussalam juga dapat menjamin keselamatan serta keharmonian dan kesejahteraan negara.

Dalam kitab suci al-Quran surah Ibrahim ayat 7 Allah berfirman :

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي
لَشَدِيدٌ

Tafsirnya kira-kira bermaksud ; Dan (ingatlah juga), tatkala Tuhanmu memaklumkan; “Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih”.

Dari ayat dinyatakan dapat fahami, bahawa selama mana kita mensyukuri akan nikmat Allah berikan kepada kita, maka selama tersebutlah Allah akan menambahkan lagi kenikmatan yang kita ada, nikmat ketenangan, kesejahteraan serta keharmonian di Negara Brunei Darussalam yang dicintai ini. Jika kita tidak mensyukurinya mohon dijauhkan kita dari segala azab dan musibah yang melanda.

Kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dalam memimpin Negara Brunei Darussalam, mendorong segenap lapisan rakyat dan penduduk berkewajipan untuk bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan segala nikmat yang dikurniakan ini. Itulah yang dimaksudkan dalam ungkapan tema yang dinyatakan.





Titah



Titah

*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

*Di Perasmian Majlis Ilmu 2016
Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-70 Tahun*

*Pada Hari Selasa, 20 Zulkaedah 1437
23 Ogos 2016*

*Bertempat
Di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam*

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua, dapatlah kita berkumpul pula, pada pagi yang berkat ini di Majlis Ilmu 2016.

Di samping kita digesa untuk meningkatkan iman dan takwa, kita juga disuruh untuk mendalami ilmu pengetahuan sebagai suluh dalam kehidupan.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam surah Al-Mujadalah, ayat sebelas tafsirnya : "Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan (dengan) beberapa darjat".

Ilmu itu diibaratkan sebagai pelita, untuk dimanfaatkan pada saat manusia berhadapan dengan pelbagai cabaran. Sejauh mana ilmu itu diperolehi, sejauh itulah ia akan berperanan.

Beta sangat gembira, kerana perhimpunan para intelek dan cendekiawan, terus disemarakkan di negara ini. Landasan ini amatlah penting, untuk kita dapat mengupas dan mendalami apa-apa yang ada kaitan dengan pembangunan bangsa.

Pada tahun ini, Majlis Ilmu memaparkan satu tema yang cukup mencabar, berbunyi : "Menjana Perhubungan Berkat dan Selamat Pemankin Kesejahteraan Ummah".

Tema ini cukup 'relevan' untuk melebarkan perbincangan mengenai peranan perhubungan dalam pembangunan bangsa dan negara, apatah lagi dunia sekarang sudah dibungkus oleh istilah globalisasi tanpa sempadan.

Dari dimensi duniawi dan ukhrawi, kita telah dipandu untuk menjaga hubungan dengan Allah dan juga hubungan kita sesama manusia sendiri.

Hubungan dengan Allah berpaksikan iman, takwa dan ehsan, dalam makna, setiap amalan baik di dunia ini adalah penghubung untuk mendapatkan keredhaan Allah di akhirat.

Sementara perhubungan sesama manusia pula, ialah dalam konteks pertalian diplomatik, sosial, ekonomi dan sebagainya yang membawa kepada keamanan, kesejahteraan dan faedah bersama.

Sebaliknya, jika tanpa perhubungan, maka sesuatu yang baik dan bermanfaat tidak mungkin untuk diperolehi.

Setiap negara membangun, pasti memerlukan masyarakat dinamik, *social mobility* dan ekonomi yang kental lagi kompetitif.

Matlamat ini hanya boleh dicapai dengan adanya sistem perhubungan yang berkesan untuk mengendalikan pelbagai pergerakan, barangan, perkhidmatan dan maklumat.

Dengan berlakunya kelancaran perhubungan, maka sudah barang tentu akan dapat membuka peluang-peluang pasaran, pencarian pekerjaan dan malah ruang perekonomian yang sangat luas.

Sistem perhubungan dan pengangkutan yang cemerlang adalah sejajar dengan kehendak syari'at Islam, untuk memudahkan ummah bertebaran di muka bumi bagi mencari ilmu dan rezeki.

Tidak diragukan lagi, perhubungan yang sihat, berkat dan selamat akan membawa kepada kejayaan dan kesejahteraan. Namun begitu, perlu juga diingat, bahawa ledakan teknologi kini tidak kurang membawa kepelbagaian gaya hidup di kalangan masyarakat sejagat. Ada yang baik dan ada juga yang buruk. Kerana itu, semuanya mesti dilihat dan dikendalikan dengan bijaksana.

Kita sedia memahami, bahawa seluruh dunia kini adalah terkait dengan rangkaian pengangkutan dan ICT canggih. Ia menjamin pengurusan yang cepat dan mudah untuk kemajuan masa depan.

Baru-baru ini Kerajaan Beta telah melancarkan rancangan peningkatan sistem Pengangkutan Awam ke arah mencapai matlamat perkembangan ekonomi.

Penubuhan badan-badan berkuasa iaitu Autoriti Maritim dan Pelabuhan; dan Autoriti Pengangkutan Awam, juga sedang giat diteliti untuk merancang sistem pengangkutan secara berterusan.

Beberapa cabaran sedia menunggu, di antaranya penyediaan prasarana, kesesakan lalu lintas dan penggunaan laluan serta jalan raya yang selamat.

Sejajar dengan tuntutan syari'at dan pendekatan bersepadu semua agensi kerajaan, Beta yakin, Majlis Ilmu pada tahun ini akan dapat menghuraikan dengan jelas istilah Perhubungan Berkat dan Selamat itu, sebagaimana yang diharapkan.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Ikrar



Mensyukuri Kepimpinan Raja

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, terutama kepimpinan dalam perkhidmatan ugama, sepanjang lima puluh tahun pemerintahan Baginda;

Dengan memperakukan bahawa kepimpinan bijaksana Baginda itu telah mendatangkan rahmat dan berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada negara dan seluruh rakyat serta penduduknya dengan kemajuan dan pembangunan yang seimbang antara kepentingan dunia dan akhirat sehingga Negara Brunei Darussalam kekal mantap sebagai negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljama'ah;

Dengan menyedari bahawa keberkesanan kepimpinan Baginda adalah dengan sokongan padu dan dukungan kukuh segenap lapisan rakyat dan penduduk yang taat setia lagi mencintai keharmonian hidup bermasyarakat, berbangsa dan bernegara; dan

Dengan menginsafi bahawa perkhidmatan ugama Islam adalah bahagian yang tidak terpisah daripada keseluruhan perkhidmatan kerajaan berpemerintahan beraja telah menyumbang kepada usaha mewujudkan dan mengekalkan keamanan dan ketenteraman, keselamatan dan kesejahteraan bagi semua lapisan rakyat;

Maka dengan penuh kesedaran dan keinsafan serta dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala jua, kami mewakili berbagai-bagai lapisan dan kalangan rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam, mengikrarkan akan memelihara serta mempertahankan pemerintahan Negara Melayu Islam Beraja, taat setia menjunjung tinggi keutuhan dan kedaulatan Raja dengan sentiasa:

- Mendukung kepimpinan dan wawasan Raja demi kemajuan ugama Islam sebagai ugama rasmi negara ;
- Memelihara tradisi hidup berbaik-baik semua kalangan rakyat dan penduduk demi keamanan dan keselamatan, kemakmuran dan kesejahteraan ;
- Berusaha dan bekerjasama memaju dan menjayakan semua bidang perkhidmatan Kerajaan khasnya perkhidmatan bidang ugama di bawah kepimpinan bijaksana Raja demi mengekalkan rahmat dan berkat kepada negara dan rakyat ;

Demikian kami ikrarkan. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala mentaufiqkannya ke arah yang diredhai-Nya. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin..



*Aturcara Aturcara
Majlis Ilmu 2017*

ATURCARA
MAJLIS PERASMIAN MAJLIS ILMU 2017
SELASA, 18 SAFAR 1439H BERSAMAAN 7 NOVEMBER 2017M

- 7.30 pagi : Ahli Jawatankuasa hadir
- 8.30 pagi : Para Jemputan hadir
- 9.00 pagi : Ketibaan Pembesar-Pembesar Negara dan Jemputan Khas
- 9.30 pagi : Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berserta Kerabat Diraja
- : Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran dan Kesimpulannya
- : Sembah Alu-Aluan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri
- : Titah Perasmian Majlis Ilmu 2017 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
- : Tayangan Video Klip
- : Sesi Ceramah Khas
- Tajuk Ceramah : Pemerintahan Raja Shaleh Membawa Berkah
- Penceramah : Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan
- : Bacaan Ikrar
- : Bacaan Doa Selamat

- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berserta Kerabat Diraja dijunjung berangkat menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2017
- : Sesi bergambar ramai dengan para penceramah
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan NWegara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berserta Kerabat Diraja dijunjung berangkat menyaksikan Pameran Balai Kenangan
- : Santap / Jamuan ringan
- : Sesi Bergambar ramai dengan Ahli Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2017
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berserta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan Majlis

ATURCARA
FORUM PERDANA MAJLIS ILMU 2017
RABU, 19 SAFAR 1439H BERSAMAAN 8 NOVEMBER 2017M

- 7.30 pagi : Ahli Jawatankuasa hadir
- 8.00 pagi : Para Jemputan hadir
- 8.30 pagi : Ketibaan Pembesar-Pembesar Negara dan Jemputan Khas
- 9.00 pagi : Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berserta Kerabat Diraja
- : Bacaan Surah Al-Fatihah
- : Sembah Alu-Aluan Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku Pengerusi Jawatankuasa Forum Perdana Majlis Ilmu 2017
- : Sesi Forum Perdana
- Tajuk Forum : Belia Aset Negara Pendukung Kepimpinan Raja
- : Bacaan Doa Selamat
- : Santap / Jamuan ringan
- : Sesi Bergambar ramai dengan Ahli-Ahli Jawatankuasa Forum Perdana dan Panel-Panel Forum Perdana Majlis Ilmu 2017
- : Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berserta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan Majlis.

ATURCARA
CERAMAH PERDANA MAJLIS ILMU 2017
KHAMIS, 20 SAFAR 1439H BERSAMAAN 9 NOVEMBER 2017M

- 7.30 pagi : Ahli Jawatankuasa hadir
- 8.45 pagi : Para Jemputan hadir
- 9.15 pagi : Ketibaan Pembesar-Pembesar Negara dan Jemputan Khas
- 9.45 pagi : Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman berserta Kerabat Diraja
- : Bacaan Surah Al-Fatihah
- : Sembah Alu-Aluan Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Jawatankuasa Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2017
- : Sesi Ceramah Perdana
 - Tajuk Ceramah : Pemerintahan Raja Shaleh Memelihara dan Menghormati Wanita
- : Bacaan Doa Selamat
- : Sesi bergambar ramai dengan Ahli Jawatankuasa Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2017
- : Santap / Jamuan ringan
- : Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman berserta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan Majlis.



*Jadual Seminar
Majlis Ilmu 2017*

JADUAL SEMINAR MAJLIS ILMU 2017

SUB TEMA SEMINAR	TARIKH	TEMPAT
Pendidikan	18 Safar 1439H 7 November 2017M	Dewan Persidangan Utama, ICC
Takmir Masjid		Dewan Musyawarah, ICC
Dakwah dan Syiar	19 Safar 1439H 8 November 2017M	Dewan Persidangan Utama, ICC
Kepimpinan Akar Umbi		Dewan Musyawarah, ICC
Perundangan Syariah dan Fatwa	20 Safar 1439H 9 November 2017M	Dewan Persidangan Utama, ICC
Sosial dan Ekonomi		Dewan Musyawarah, ICC

ATURCARA SEMINAR MAJLIS ILMU 2017

- 1.30 – 1.45 petang : Kehadiran Para Peserta dan Ahli Jawatankuasa Seminar
- 2.00 petang : Seminar dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai
- 2.10 petang : Pembentangan Kertas Seminar 1
- 2.50 petang : Pembentangan Kertas Seminar 2
- 3.30 petang : Sesi Soal Jawab
- 4.00 petang : Bacaan Doa Selamat
- 4.10 petang : Majlis Bersurai



*Senarai Pembentang
& Tajuk*



**SENARAI NAMA
PEMBENTANG KERTAS KERJA SEMINAR DAN MODERATOR SEMINAR
MAJLIS ILMU 2017**

SUB TEMA	BIL.	NAMA PEMBENTANG	MODERATOR
Pendidikan	01	Yang Mulia Dr. Haji Adanan bin Haji Basar Raes KUPU SB	Yang Mulia Dr. Gamal Abd Nasir (UBD)
	02	Yang Mulia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal Rektor UNISSA	
Takmir Masjid	03	Yang Mulia Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali Pemangku Pengarah JHEM	Yang Mulia Dr. Ismail bin Abas (UNISSA)
	04	Yang Mulia Prof Madya Dr. Haji Syamsul Bahri bin Andi Galigo (KUPU SB)	
Dakwah dan Syiar	05	Yang Mulia Dr. Haji Harapandi bin Dahri (KUPU SB)	Yang Mulia Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili
	06	Yang Mulia Dr. Lily Suzana binti Haji Shamsu (UNISSA)	
Kepimpinan Akar Umbi	07	Yang Mulia Prof Dr. Haji Mahayudin bin Haji Yahaya (UNISSA)	Yang Mulia Dr. Haji Abd Rauf bin Muhammad Amin (KUPU SB)
	08	Yang Mulia Dr. Ahmad Yunus bin Kasim (KUPU SB)	
Perundangan Syariah dan Fatwa	09	Yang Mulia Dr. Haji Abd Rahman Raden Aji Haqqi, UNISSA	Yang Mulia Dr. Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin (UNISSA)
	10	Yang Mulia Ustaz Haji Dennie bin Haji Abdullah, Jabatan Mufti Kerajaan	
Sosial dan Ekonomi	11	Yang Mulia Dr. Kamaru Salam bin Yusof Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (UNISSA)	Yang Mulia Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani (UNISSA)
	12	Yang Mulia Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar, KUPU SB	





Biodata Pembentang

MAJLIS PERASMIAN

YANG BERHORMAT PEHIN DATU SERI MAHARAJA DATO PADUKA SERI SETIA DR. USTAZ HAJI AWANG ABDUL AZIZ BIN JUNED MUFTI KERAJAAN



Sebelum menjawat jawatan Mufti pada tahun 1994, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned pernah menjawat beberapa jawatan, seperti: Pegawai Ugama di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei (tahun 1970), Penguasa Penerangan dan Tabligh (tahun 1971), Pegawai Ugama Kanan (tahun 1976), Timbalan Kadi Besar (tahun 1983), Pengarah Hal Ehwal Syariah (tahun 1986) dan Timbalan Mufti Kerajaan (tahun 1989).

Yang Berhormat Pehin mendapat pendidikan awal di Negara Brunei Darussalam; kemudian melanjutkan pelajaran ke Madrasah Al-Juned, Singapura pada 1955; kemudian ke Kolej Islam Malaya pada 1962 dan Al-Azhar, Mesir pada 1968.

Yang Berhormat Pehin adalah Ahli Tetap Yayasan Ali Al-Bait di Amman, Jordan dan Anggota Panel Penasihat Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) serta beberapa keahlian lain dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, antaranya: Ahli Majlis Mesyuarat Diraja (sejak 17 April, 1984); Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja (sejak 1978); Ahli Majlis Mesyuarat Ugama Islam (sejak 1971); Ahli Tambahan Jawatankuasa Kehakiman (1972-1975 dan 1981-1983); Ahli Majlis Lembaga Bandaran (1987-1989); Ahli Jawatankuasa Menyesuaikan Undang-Undang Dengan Kehendak Ugama Islam (sejak 1980); Ahli Majlis Mesyuarat Adat Istiadat (sejak 1989); Ahli Jawatankuasa Undang-Undang Majlis Ugama Islam (sejak 1981); Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang Majlis Ugama Islam (sejak 1994); Pengerusi Jawatankuasa Mengkaji Barang-Barang Makanan Yang Diharamkan Oleh Syarak (1981-1991); Ahli Jawatankuasa Penubuhan Tabung Amanah Islam Brunei (1991); Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Badan Syariah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei [TAIB] tahun 1995-Jun, 2008); Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei [TAIB] (1994-1998); Ahli Lembaga Pengarah Bank Islam Brunei [IBB] (1993-2005) dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Badan Syariah Bank Islam Brunei [IBB] (1993-April, 2008); Ahli Majlis Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (1992-2008); Ahli Majlis Institut Pengajian Islam (sejak 1989); Ahli Jema'ah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (sejak 1992); Ahli Jawatankuasa Bagi Menggantikan Cokmar Universiti Brunei Darussalam dengan Mushaf Al-Quran Tulisan Tangan (1992); Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta; Ahli Lembaga Penasihat Pusat Dakwah; Timbalan Pengerusi Lembaga Institut Tahfiz Al-Quran (1992-Ogos, 2005); Ahli Lembaga Institut Tahfiz Al-Quran (sejak 29 Disember, 2005); Pengerusi Lembaga Tasmie' Tertinggi Menghafaz Al-Quran (sejak 2003); Pengerusi Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, Negara Brunei Darussalam (1991-1996); Ahli Majlis Pelajaran Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam (1999-2006 dan mulai 1 Mei, 2014 hingga sekarang); Ahli Jawatankuasa Penasihat Orang-Orang Tahanan (sejak tahun 80an-2005); Ahli Majlis Universiti Brunei Darussalam (sejak 1985); Ahli Jawatankuasa Dermasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama (1987-2002);

Ahli Lembaga Tertinggi Syariah Yang Mengawal Perjalanan Institusi-Institusi Kewangan Islam Negara Brunei Darussalam (mulai 25 Februari, 2006); Ahli Majlis Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (sejak 1 Jun, 2007); Ahli Majlis Universiti Islam Sultan Sharif Ali (sejak tahun 2011); Penal Penyemak (Masyaikh) Tafsir Darussalam mulai tahun 2007 dan beberapa keahlian lain.

Yang Berhormat Pehin telah disampiri gelaran “Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib” pada 26 Mac, 1983, “Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam” pada 6 November, 1984 dan “Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja” pada 9 Mei, 1996. Yang Berhormat Pehin juga dikurniakan beberapa bintang kebesaran dan kehormatan Negara Brunei Darussalam: Bintang Kebesaran Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (S.S.U.B) pada tahun 1982, Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (D.S.L.J) pada tahun 1983, Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Pertama (P.S.S.U.B) pada tahun 1984 serta Pingat-Pingat Bakti Laila Ikhlas (P.B.L.I), Pingat Kerja Lama (P.K.L) dan Pingat Hassanal Bolkiah Sultan Darjah Pertama (P.H.B.S) pada 15 Julai, 2010.

Sebagai seorang yang suka menulis, Yang Berhormat Pehin mula berkarya pada tahun 1956. Hasil-hasil tulisan Yang Berhormat Pehin kebanyakannya diterbitkan oleh penerbit dari agensi-agensi kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri di samping turut diterbitkan oleh penerbit/pencetak dari luar negara. Hasil tulisan dan karya yang dibukukan setakat ini berjumlah lebih 50 judul. Di antara buku-buku yang dihasilkan itu ialah: Panduan Menunaikan Fardhu Haji; Menghayati Islam: Ke Arah Pendidikan Akhlak Yang Sempurna; Panduan Cara-Cara Menyembahyangkan Mayat, Kejujuran Asas Kejayaan; Seruan Islam I, II, III & IV; Musuh Islam; Tetamu Allah (tahun 1987); Tetamu Allah II (tahun 1989); Tetamu Allah III Bersama Ahli Kerabat Diraja (tahun 1993); Al-Mu'min Menjadi Tetamu Allah kali Keempat dan Kelima (tahun 1995) dan Islam di Brunei.

Setelah Jabatan Mufti Kerajaan ditubuhkan pada tahun 1994, Yang Berhormat Pehin menghasilkan pula: “Lawatan Negara: Satu Wadah Kerana Allah”; Fatwa Mufti Kerajaan (1994-1995, 1996, 1997, 1998, 1999, 2000, 2001, 2002, 2003, 2004, 2005, 2006, 2007, 2008, 2009, 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 dan 2015); Bersama Mufti (1995-1997); Islam Dan Muzik; Buku Mushaf, Tasbih, Tongkat Koleksi Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Bertabarruk Dengan Atsar-Atsar Nabi; Rokok dan Merokok; Jambatan Ke Akhirat; Tsunami Satu Iktibar; Kerasukan: Merawat dan Mencegahnya; Pemedulian Pelanggan Menurut Perspektif Islam; Orang Sembahyang Ditangisi Oleh Tempat Sujudnya; Orang Berbank Kita Juga Berbank; Haji & Umrah; Berubat Dengan Perubatan Bumi dan Perubatan Langit; Selesema Babi Kukuhkan Kebenaran al-Quran; Isra'Mikraj Satu Mukjizat; Keramat Wali-Wali Allah; Akidah Ahli Sunnah Waljama'ah Penyelamat Ummah; Hebatnya Guru; Qanun Jenayah Syar'iah Satu Pengenalan; The Shari'ah Penal Code An Introduction; Bandar Seri Begawan Menagih Berkat Dari Langit dan Bumi; Gaya Hidup Sihat dan Permakanan Sihat Menurut Perspektif Islam; Manusia Mencabar Allah; Membaca Nadi Kejayaan Bangsa dan Rawatan & Kesihatan 2; Bahtera Perkahwinan, Memartabatkan Seni Bina Melayu Islam Beraja; Sayangi Ibu Bapa; Memartabatkan Seni Bina Melayu Islam Beraja, Meraih Berkat Dalam Pembangunan Sains dan Teknologi; Raja Melakar Sejarah & The King Who Shapes History.

Antara buku Yang Berhormat Pehin dalam bidang sastera ialah Antologi sajak bersama seperti: Laungan, 1966, terbitan Penerbitan Federal Kuala Lumpur; Puisi Hidayat, 1971, terbitan Pusat Dakwah Islamiah; Puisi Hidayat II, 1975, terbitan Pusat Dakwah Islamiah; Pakatan pada tahun 1976; Koleksi Sajak-Sajak Darussalam, 1979, terbitan Syarikat Mega, Brunei, Lagu Hari Depan pada tahun 1980; Puisi-Puisi Nusantara, 1981, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur; Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei, 1984, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Memburu Pelangi pada tahun 1992; antologi sastera ASEAN Puisi Moden Brunei, 1994, terbitan The ASEAN Committee on Cultural and Information; Hasrat Merdeka pada tahun 1995; Anthology of ASEAN Literatures Modern Poetry of Brunei Darussalam, 1998; Larian Hidup pada tahun 1999 Kembara Merdeka : Dua Dekad Meniti Usia pada tahun 2004 dan Episod Tsunami Peringatan Illahi (Sebuah Iktibar dan Pengajaran) pada tahun 2005; antologi bersendirian: Senandong Anak Watan pada tahun 2000; Dari Jendela Dunia pada tahun 2008; Negara Zikir pada tahun 2010; Melayu Islam Beraja “Mahkota Negara” pada tahun 2011 dan Perintah Qanun Jenayah Syariah “NERACA ALLAH” pada tahun 2013.

Hasil tulisan Yang Berhormat Pehin juga pernah termuat dalam jurnal, majalah, dan akhbar seperti: Beriga, Bahana, Bintang Harian, Pelita Brunei, Teratai dan Media Permata (terbitan Brunei), Utusan Kanak-Kanak dan Gelanggang (terbitan Singapura), Utusan Zaman, Berita Minggu, Mastika dan Dewan Masyarakat (terbitan Malaysia).

Di samping itu Yang Berhormat Pehin juga sering menerima undangan Kementerian-Kementerian dan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negeri untuk membentangkan kertas-kertas kerja di persidangan-persidangan, seminar-seminar, dialog-dialog serta berceramah bagi majlis-majlis bersempena dan juga memenuhi undangan dari luar negeri. Pernah diundang untuk menghadiri beberapa Persidangan mewakili Negara Brunei Darussalam seperti Persidangan Islam Asia Pertama di Karachi, Pakistan; Persidangan Fatwa dan Prinsip-Prinsipnya di Makkah al-Mukarramah; The 15th General Conference of The Royal Aali Al-Bait, di Amman Jordan; Pusat Pengajian Islam, Oxford, United Kingdom; Jamia Markaz International Conference, Calicut, India; jemputan Anugerah Antarabangsa Naif bin Abdul Aziz Al Saud bagi Sunnah Nabi dan Pengajian Islam Kontemporari; Persidangan Sains Bangsa di Dakar, Senagal; Persidangan Persatuan Liga Islam Sedunia, Makkah dan beberapa undangan-undangan lain.

Yang Berhormat Pehin juga banyak memberikan ceramah agama dan “Kuliah Subuh” di masjid-masjid rasmi Kerajaan dan surau-suru di seluruh negara. Juga sering tampil memberikan khutbah di masjid-masjid pada hari Jumaat.

Dalam bidang pekerjaan dan penulisan, pada tahun 1993, Yang Berhormat Pehin menerima anugerah ASEAN Cultural Award On Literary Works; tahun 2000 menerima anugerah Penulis Asia Tenggara (S.E.A Write Award), di Bangkok, Thailand; dan pada 11 September, 2007 dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Brunei Darussalam, Anugerah Khas Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 27 Jun, 2011, Anugerah Tokoh Ugama bagi Tahun 1433 Hijrah pada 26 November, 2011 dan menjadi penerima Anugerah Kesusasteraan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Ke-2 pada 25 November, 2013.

Selain daripada itu, melalui sumbangan buku-buku tulisan Yang Berhormat Pehin (Buku Qanun Jenayah Syar'iah Satu Pengenalan, The Shar'iah Penal Code An Introduction, Neraca Allah dan buku Fatwa Mufti Kerajaan 2013), Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Perdana Penerbit Nusantara oleh Yayasan Pembangunan Buku Negara Malaysia yang berlangsung pada 17 Safar, 1436 bersamaan 10 Disember, 2014, di Kuala Lumpur, Malaysia. Begitu juga buku Qanun Jenayah Syariah: Satu Pengenalan ini telah diberi penghargaan sebagai Buku Terlaris 2014 (Kategori Ilmiah) Semasa Pesta Buku Brunei dan Karnival Memperkasa Budaya Membaca 2015 Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31, Tahun 2015 Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, dilahirkan pada 3 Zulhijjah, 1360 bersamaan 22 Disember, 1941 di Kampung Setia Pahlawan Lama, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Mendirikan rumahtangga dengan Datin Hajah Maznah binti Haji Muhammad dan dikurniakan 3 orang anak – dua lelaki dan seorang perempuan.

FORUM PERDANA

**SAHIBUS SAMAAH DATUK DR. ZULKIFLI BIN
MOHAMAD AL-BAKRI**
MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



PENGENALAN

Nama : Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri

No. KIP : 690116115573

Status : Berkahwin

Tempat Lahir : Terengganu

Alamat Bertugas : Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Tingkat 10, Menara Pusat Islam,
Jalan Perdana, 50676 KUALA LUMPUR.

Jawatan / Gred : JUSA 'B'

LATAR BELAKANG KELUARGA :

Nama Isteri : Datin Shereen binti Mohd Yunus

Bilangan Anak : 5 orang (3 Lelaki dan 2 Perempuan)

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

2.1 Pertama : Peringkat Persekolahan

Sekolah Kebangsaan Rengas Bekah, Kuala Terengganu, Terengganu. (1976-1981)

Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin, Ladang, Kuala Terengganu,
Terengganu. (1982-1984)

Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin, Batu Buruk, Kuala
Terengganu, Terengganu, Aliran Thanawi. (1985-1988)

Sarjana Muda Syariah, Kulliyah Al-Syariah, Universiti Islam Madinah, Madinah
Al-Munawwarah, Arab Saudi. (1989-1993)

Diploma Syariah, Universiti Ilmu-Ilmu Islam Dan Arab, Jami' Al-Sadat, Damsyik,
Syria. (1994-1995)

Sarjana Syariah, Universiti Ilmu-Ilmu Islam Dan Arab, Jami' Al-Sadat, Damsyik,
Syria. (1995-1997)

Doktor Falsafah (PhD), Pengkhususan Fatwa, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia. (2002-2004)

PENGALAMAN BERTUGAS

Pensyarah Kanan Kolej Uniti, Port Dickson: 1997-2006. Pensyarah Kanan USIM 2006 - 2008

Pakar Rujuk Mustolah Hadith dan Hadith, (STAM): 2002 .

Ahli Jawatankuasa Kawalan Mutu, Tasawuf Islam Tingkatan Lima: 2003.

Pengerusi Panel Syariah, Bank Pertanian Malaysia: 2006- 2008.

Panel Penilai Jawatankuasa AD-HOC Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) Bagi Penilaian Pengiktirafan Program Ijazah Sarjana Muda Program Ijazah Sarjana Muda Syariah Dari Universiti Malaya (UM): 2007.

Anggota Lajnah Tashih Tafsir Pedoman Muttaqin: 2007.

Panel Penilai Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency MQA) 2007.

Anggota Pasukan Penyemakan Tafsir Pedoman Muttaqin dan Majlis Perbincangan. (April 2008)

Pengerusi Penyediaan Modul Asas Pengurusan Fatwa, JAKIM 2008.

Penulis Karya Tokoh-tokoh Islam DBP dan Baryazi, 2008 .

Ahli Jawatankuasa Malaysian Financial Planning Council MFPC. 2008.

Penasihat Akademik dalam Bengkel Penyelarasan dan Pemurnian Program Sarjana Syariah (Pengurusan). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Oktober 2008.

Ahli Panel Forum Perdana. Konsep Ilmu Dalam Pembangunan Aqidah. Konvensyen Modal Insan Peringkat Luar Bandar (KPLB) 2009 .

Panel Penapis Filem dan Drama Berunsur Islam. Sahagian Media Elektronik dan Penyiaran JAKIM 2008.

Panel Penerbitan Buku Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan 2009.

Panel Temuduga Guru Agama Ke Tanah Suci Musim Haji 1431H.

Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan (2000-2010).

Ahli Panel Kajian Akidah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (April 2008 - April 2011)

Panel Penyelidik Pusat Zakat Negeri Sembilan (April 2008).

Panel Penasihat Syariah Syembara Penulisan Kreatif (Cermen Berunsur Islam) Peringkat Kebangsaan Sempena Sambutan Maulidur Rasul Kementerian Pendidikan Malaysia 1435H (2014).

Panel Syariah WAKAF Selangor Muamalat Oktober 2012-Jun 2014. Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu: Sejak 2005-Ogos 2014. Karyawan Tamu INFAD. USIM 2013 - Ogos 2014.

Panel Syariah Bank Muamalat Malaysia (April 2011).

JAWATAN BERKAITAN MUFTI DAN FATWA

Mufti Wilayah Persekutuan 23 Jun 2014.

Pengerusi Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan.

Pengerusi, Jawatankuasa Penemuduga Tauliah Mengajar dan Ceramah Agama di Wilayah Persekutuan.

Pengerusi Jawatankuasa Taqwim dan Melihat Anak Bulan.

Pengurus Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam.

Pengerusi Jawatankuasa Wakaf, Pusaka, Wasiat dan Sumber Am MAIWP (JKWSA).

Panel Penasihat Skuad An-Nur.

Panel Syariah (Khas) Tabung Ibadah Qurban YaPEIM.

Ahli Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan.

Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Ahli Jawatankuasa Tatatertib Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Ahli Jawatankuasa Panel Syarie Tabung Wakaf Universiti Islam Malaysia.

Ahli Jawatankuasa Wakaf, Pusaka, Wasiat dan Sumber Am MAIWP.

Ahli Jawatankuasa Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Syarikat Milik MAIWP.

Penasihat berkenaan dengan Hukum-Hukum Syarak kepada :

- Kerajaan
- Badan-Badan Berkanun/Agensi Kerajaan
- Badan-Badan Sukan Kerajaan (NGO)

JAWATAN SEMASA YANG SEDANG DISANDANG

Penulis Tamu Jakim: Sejak 2006.

Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (TH-JAKIM): 2008.

Panel Kajian Syariah, JAKIM 2011.

Pengerusi Penggubalan Modul Fatwa JAKIM (Oktober 2012).

Panel Pakar Syariah, JAKIM 2013 sehingga kini.

Panel Penasihat Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia, USIM 2013 sehingga kini.

Ahli Majlis Dakwah Negara (MON) 2014/2016 oleh Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia (YADIM).

Ahli ISRA (International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance) Council of Scholars.

Ahli Lembaga Pengawalan dan Perlesenan Pencetakan Al-Qur'an (LPPPQ), Kementerian Dalam Negeri.

Felo Dakwah YADIM.

Penyelia Bersama Untuk Pelajar Ijazah Doktor Falsafah (UTM).

Ahli Majlis Panel Syariah Bank Negara.

ANUGERAH :

Anugerah Tokoh Penulis Islam: Sempena Pesta Buku Antarabangsa Kelantan Kali Kedua, 2010 .

Anugerah Tokoh Maulidur Rasul Peringkat Wilayah Persekutuan 1433H / 2012M.

Anugerah Tokoh Ilmuan Negeri Selangor. 1433 H/2012M. Masjid Sultan Salehudin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Anugerah Tokoh Maal Hijrah 1435H Peringkat Negeri Terengganu. Dewan Besar, Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, Terengganu , November 2013.

Anugerah Pingat Mahkota Wilayah (PMW) pada 1 Februari 2015 Sempena Hari Wilayah Persekutuan yang membawa gelaran 'Datuk'.

FORUM PERDANA

YANG MULIA DR. HAJI MOHAMMED HUSSAIN BIN PEHIN PENYURAT HAJI AHMAD



DATA PERIBADI

Nama : Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin
Penyurat Haji Awang Ahmad

Jawatan Sekarang : TIMBALAN REKTOR
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

JAWATAN PERNAH DISANDANG

PENSYARAH KANAN

Sultan Omar 'Ali Saifuddien Centre for Islam Studies (SOASCIS), Universiti Brunei Darussalam

12.05.2014 – 25.06.2014

PEMANGKU PENOLONG REKTOR

Universiti Islam Sultan Sharif Ali

16.06.2012 – 31.07.2013

PENSYARAH KANAN

Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

09.07.2011 – 11.05.2014

DEKAN

Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

01.08.2010 – 31.12.2012

TIMBALAN DEKAN

Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

20.08.2009 - 31.07.2010

PENSYARAH

Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

01.04.2008 – 08.07.2011

PENSYARAH

Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam

17.02.2003 - 31.03.2008

TUTOR

Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam

20.01.2003 - 16.02.2003

16.03.2005 – 27.01.2009 The University of Sydney, Australia Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Arab & Islam
19.10.2000 – 15.12.2002 The University of Jordan, Amman, The Hashemite Kingdom of Jordan Ijazah Sarjana Usuluddin (Hadith)
13.09.1996 – 29.05.2000 Kuliah Hadith, Universiti Islam Madinah, Arab Saudi Ijazah Sarjana Muda Hadith & Pengajian Islam
24.05.2003 – 13.07.2003 Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia Sijil Falak Syar'ie
25.09.1994 – 21.01.1996 Shukbah Al-Lugah Al-Arabiyyah, Universiti Islam Madinah, Arab Saudi Sijil Bahasa Arab
01.10.1993 - 31.07.1994 Language Centre, The University of Jordan, Amman, The Hashemite Kingdom of Jordan Kursus Bahasa Arab
Sejarah perkembangan Institusi Pengajian Tinggi Islam (IPTI) bermula selepas kemerdekaan negara apabila Institut Pengajian Islam (IPI) Negara Brunei Darussalam ditubuhkan di bawah pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pada akhir tahun 1987. IPTI seterusnya mengalami pertumbuhan yang pesat apabila Universiti Brunei Darussalam (UBD) menubuhkan Fakulti Pengajian Islam (FPI) pada tahun 1993. Pada tahun 1999, kedua-dua institusi ini (IPI, KHEU dan FPI, UBD) bercantum menjadi Institusi Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (IPISHOAS) yang diletakkan di bawah pentadbiran UBD. Setelah lapan tahun beroperasi, pada tahun 2007, sebuah universiti Islam dikenali sebagai Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mula ditubuhkan yang menjadikan IPISHOAS sebagai asas penubuhan. Tidak lama pengisytiharan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan pula menaikkan taraf Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (MPUSB) menjadi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Pengisytiharan ini diumumkan pada tahun yang sama hanya selepas 20 hari pengumuman penubuhan UNISSA. Pada tahun 2010, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan dan menitahkan penubuhan Pusat Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (PPI SHOAS) di UBD. Perkembangan pesat IPTI dalam era pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ini menarik minat pengkaji untuk menelusuri wawasan dan harapan raja terhadap penubuhan dan perkembangan IPTI di Negara Brunei Darussalam.

**PENGAMALAN PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN MASYARAKAT BRUNEI
ERA 50 TAHUN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG D-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Yang Mulia Dr. Haji Adanan bin Haji Basar
Pemangku Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)**

Semarak syiar Islam dalam kalangan masyarakat Brunei Darussalam sejak pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menunjukkan kefahaman dan penghayatan masyarakatnya terhadap ajaran Islam. Penghayatan ini adalah hasil dari usaha kerajaan baginda dalam merealisasikan Islam sebagai agama rasmi melalui pendidikan Islam secara formal ataupun tidak formal. Kertas kerja ini bertujuan untuk membahaskan aspek Iman, Islam dan Ihsan yang menjadi asas kehidupan masyarakat Brunei natijah dari pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh pihak kerajaan. Pembincangan akan tertumpu kepada peranan pendidikan Islam secara formal melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan; begitu juga pendidikan non-formal dan informal yang dimainkan oleh institusi pendidikan lain dalam kerajaan seperti Jabatan Mufti Kerajaan, Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Bahagian Syiar Islam, Radio dan Televisyen Brunei, institut pengajian tinggi begitu juga persatuan persatuan kebajikan dalam membentuk masyarakat harmoni Islami. Aspek-aspek utama dalam matlamat pendidikan Islam berkaitan dengan kerohanian, akhlak, akal, jasmani dan kemasyarakatan juga akan disentuh dalam pengalaman dan pengamalan masyarakat. Kertas kerja ini merumuskan betapa kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai ketua agama Islam berjaya membentuk masyarakat yang berpegang teguh dengan ajaran Islam dan menjadikan negara sebagai Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur.

MEMPERKASA PENTAKMIRAN MASJID SEBAGAI PUSAT PERIBADATAN DAN KEMASYARAKATAN

**Yang Mulia Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali
Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Uagama**

Masjid adalah antara institusi yang penting dalam pembangunan dan pembentukan masyarakat yang dapat memainkan peranan ke arah meningkatkan dan mengembangkan syiar Islam. Pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, masjid dijadikan sebagai pusat ibadat dan mu'amalah, pusat penyebaran Islam, pemerintahan dan pentadbiran, gedung ilmu pengetahuan dan pembentukan akhlak serta pusat kegiatan yang mendatangkan manfaat kepada Islam dan seumpamanya. Pada zaman pemerintahan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien III pembangunan negeri dan perkembangan agama Islam menjadi matlamat utama dalam manifesto pemerintahan baginda. Langkah yang dibuat oleh Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien III ini telah dikembangkan lagi oleh anakanda baginda iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Atas kebijaksanaan pimpinan baginda telah dapat disusun rancangan pembinaan masjid-masjid di seluruh negeri dengan memasukkan perbelanjaan pembinaannya ke dalam Rancangan Kemajuan Negara. Dalam memperkasa dan mengembangkan peranan masjid sebagai pusat peribadatan dan kemasyarakatan di kalangan masyarakat Negara Brunei Darussalam, baginda telah memperkenankan Penubuhan Jabatan Hal Ehwal Masjid bagi mengemaskini dan memastikan pentadbiran masjid berjalan dengan lebih teratur dan berkesan. Oleh itu, dalam usaha memperkasa dan meningkatkan pentakmiran masjid di Negara Brunei Darussalam dan menjadikannya sebagai pusat peribadatan dan kemasyarakatan di kalangan warga dan masyarakatnya, Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mengambil langkah dengan membuat dan menyusun berbagai-bagai rancangan dan aktiviti demi untuk mengembangkan dan meningkatkan peranan dan fungsi institusi masjid di Negara Brunei Darussalam sebagai pusat peribadatan dan kemasyarakatan yang aktif melalui Bahagian Imarah dan Bahagian Hal Ehwal Muslimah yang berperanan dan bertanggungjawab dalam merancang dan menyusun aktiviti-aktiviti pentakmiran masjid-masjid seluruh negara berjalan dengan lancar dan teratur. Kertas kerja ini memuatkan pelbagai kaedah dan panduan pengimarah atau pentakmiran masjid, memahami kaedah pengimarah masjid yang terkini yang telah dilaksanakan dan terbukti berjaya membangunkan modal insan yang cemerlang, masyarakat yang cintakan ilmu, berfikiran positif serta bertanggungjawab mengembangkan peranan institusi masjid sebagai pusat peribadatan dan kemasyarakatan.

TAKMIR MASJID ASAS PEMBANGUNAN UMMAH

PROF MADYA DR. HAJI SYAMSUL BAHRI BIN ANDI GALIGO

**Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)**

Takmir ataupun Imarah adalah dua perkataan Bahasa Arab yang bermaksud membina, membangun, mengatur dan mentadbir, melaksana dan memakmurkan. Walau bagaimanapun, istilah takmir masjid lebih banyak digunakan daripada perkataan imarah atau memakmurkan masjid. Istilah takmir masjid dapat dimaknai dalam dua kategori, iaitu kategori umum dan khusus. Dalam kategori umum, takmir masjid bermaksud usaha pembangunan dan pembinaan masjid dengan prasarana dan sarana fizikal bagi kemudahan pelaksanaan aktiviti dan kegiatan umat Islam dalam masjid. Adapun dari sudut kategori khusus, takmir masjid dimaksudkan semua aktiviti yang dijalankan dalam masjid, sama ada berkaitan dengan ibadah ataupun muamalah termasuk kegiatan pendidikan dan kuliah ugama. Dalam kertas ini akan diketengahkan sejarah takmir masjid dalam masyarakat Islam dan peranan takmir masjid dalam masyarakat dilihat dari sudut pembangunan ummah. Di samping itu, akan ditonjolkan juga pelaksanaan takmir masjid di negara Islam kini terutama di Negara Brunei Darussalam. Semoga kita semua menyedari akan pencapaian Negara Brunei Darussalam dalam mengembangkan takmir masjid melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

DAKWAH DAN SYI'AR AL-ISLAM

Dr. Haji Harapandi bin Dahri

Penolong Kanan Profesor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)

Dakwah dan syi'ar adalah dua amalan yang dapat menjadikan seseorang lebih dekat dengan Allah Azza Wa Jalla. Dakwah merupakan profesi yang paling mulia di sisi Allah, para Nabi diutus untuk menjalankan profesi tersebut, ada yang berjaya dan tidak sedikit pula yang kurang berhasil bahkan ada yang gagal dalam menegakkan misi Allah tersebut. Dakwah merupakan usaha mengajak orang lain untuk menjalankan ibadah kepada Allah dengan qudwah (amal perbuatan) dan juga ucapan (lisan), objek dan pelaku dakwah ialah manusia itu sendiri, ia sebagai pelaku (da'i) sekaligus sebagai objek (mad'u) dakwah. Sedangkan metod dalam berdakwah dapat dibagi kepada dakwah bi al-lisan, al-Kitabah (tulisan) dan juga al-Qudwah (amal perbuatan). Sementara syi'ar ialah salah sebuah wujud amali dakwah yang dijalankan oleh setiap orang atau kumpulan orang untuk memberi informasi secara langsung kepada para mustami'in. Sikap mad'l'u (penerima dakwah) terkadang ada yang menerima dan tak sedikit daripada mereka yang menolak bahkan ada juga yang menentang. Pelbagai persoalan ini akan dijelaskan dalam kertas kerja singkat ini.

Kata Kunci: al-Dakwah dan syi'ar

“PIMPINAN CEMERLANG MENJANA UMMATAN WASATA : 50 TAHUN SYIAR ISLAM TERUS DIJULANG”

Dr. Lily Suzana binti Haji Shamsu
Dekan Fakulti Usuluddin Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Lafaz Rabbani “Ummatan Wasata” berasal daripada kalamullah dalam surah al-Baqarah, ayat 143. Justeru lahir daripadanya sebuah konsep Rabbani yang digelar konsep Wasatiyyah. Istilah ini didefinisi dan dihuraikan dalam pelbagai aspek dan sudut pandang. Atas kapasiti yang zahir menonjolkan kesederhanaan justeru paling kerap istilah Wasatiyyah ini digunakan sebagai mekanisme dalam mendepani ekstremisme yang menjadi isu global dewasa ini. Apatah lagi setelah peristiwa tragik 11 September umat Islam menjadi sasaran kecaman, ditohmah mempromosi keganasan. Daripada kemelut yang dicetuskan atas asas tuduhan terburu-buru ini jelas sekali Islam dilihat tidak ‘adil’ bahkan melampau. Sebagai umat Islam tentunya kita merasa terpanggil untuk menyatakan kebenaran mengenai agama Allah yang suci lagi relevan sepanjang zaman ini. Kesucian dan keluhuran agama Allah ini terbukti kehebatannya andai ia benar-benar diikuti dan diamalkan dalam kehidupan. Sebuah negara akan terjamin keharmonianya selama agama suci ini dimartabatkan dan dijadikan sandaran dalam bernegara. Justeru, Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Ilmu 2015 mengangkat tema Wasatiyyah untuk dibincangkan. Pemilihan tema berkenaan sangat signifikan dengan keadaan semasa dan kedudukan negara. Lebih-lebih lagi perspektif Wasatiyyah itu luas. Pelbagai makna yang diutarakan. Namun bagi negara kita mafhum Wasatiyyah itu berbalik kepada pentafsiran ulama ahli tafsir klasik yang memaknakannya dengan adil. Adil itu pula adalah yang terbaik dalam setiap tindak tanduk. Justeru, difahami bahawa ciri-ciri yang mendukung konsep Wasatiyyah itu ialah yang teradil, terunggul dan terbaik. Lantaran itu, Yang Berhormat Mufti Kerajaan dengan tegas menyatakan bahawa maksud daripada Wasatiyyah itu bukanlah sederhana. Umat Islam itu bukanlah umat sederhana. “Wasata” dalam ayat berkenaan tidaklah sesuai untuk diterjemah dengan kata sederhana. Ini kerana menurut Yang Berhormat andai kita memaknakannya sebagai sederhana lantas Islam juga ertinya agama sederhana. Dalam hal ini kertas ini akan menggunakan metodologi kepustakaan dan disampaikan secara deskriptif dan naratif untuk meneliti pengamalan konsep Rabbani ini. Secara umumnya, kajian mendapati konsep Wasatiyyah ini telah lama diaplikasi dalam sistem rasmi kerajaan. Kepimpinan tampuk tertinggi amat mengambil berat mengenai aplikasinya dalam berbagai bidang justeru dengannya syiar Islam terus menjulang di bumi bertuah ini.

KEPIMPINAN AKAR UMBI

Prof Dr. Haji Mahayudin bin Haji Yahaya
Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Bagi menegakkan sebuah negara Islam memerlukan seorang pemimpin yang berkualiti, adil, berdaulat, berpengaruh, berakhlak mulia, serta berpegang teguh kepada undang-undang syariah dalam melaksanakan urusan dan pentadbiran negara bagi menyempurnakan risalah yang dibawa oleh Baginda Nabi Muhammad sallallahu `alaihi wasallam, di samping berusaha membantu rakyat ke arah kesejahteraan, kemajuan dan kemakmuran sama ada dari segi rohani, mental dan fizikal. Kajian ini berfokus pada kepimpinan Rasulullah sallallahu `alaihi wasallam dan para sahabat radhiallahu `anhum melalui Piagam Madinah; ciri-ciri kepimpinan Islam; tanggungjawab pemimpin terhadap masyarakat dan negara.

Dr. Ahmad Yunus bin Kasim

Fakulti Pendidikan

Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)

Wacana akan menjelaskan konsep kepimpinan dari perspektif Islam berteraskan konsep khalifah. Al-Quran telah menjelaskan setiap mukmin bertanggungjawab memimpin dirinya, keluarganya serta ahli-ahli di bawah jagaannya (At-Tahrim: 6). Konsep kepimpinan turut dihubungkan dengan tugas pelaksanaan amar ma'ruf nahyul mungkar yang merangkumi semua perkara yang dituntut dan diharuskan oleh syarak iaitu meliputi soal-soal akidah, syariah, akhlak yang membawa manusia kepada kesejahteraan kehidupan. Kepimpinan Islam digerakkan oleh ilmu, iman dan amal soleh yang diterasi oleh keikhlasan, keadilan, ketaatan, disiplin, ketelusan, komitmen dan kesabaran dalam setiap tindakan yang diambil. Kepimpinan juga bukan sesuatu jawatan untuk dipohon, menawarkan diri serta menjadi bahan rebutan. Malah ia adalah amanah dan tanggungjawab yang akan dipersoalkan di dunia dan di akhirat kelak. Kepimpinan Islam sepatutnya beroperasi di atas dasar syura. Pemimpin hendaklah mengadakan mesyuarat (syura) dengan orang yang dipimpinnya kerana matlamat kepimpinan Islam ialah untuk memastikan kewujudan dan keberlangsungan jemaah atau umat Islam pada setiap masa. Pemimpin yang dipilih mestilah menepati kriteria jawatan atau tugas yang akan dilaksanakan dari segi pengetahuan, kelayakan, tanggungjawab dan kemahiran yang dimiliki. Kepimpinan Islam menganjurkan kepatuhan bersyarat. Seseorang itu tidak perlu patuh, malah wajib ingkar sekiranya pemimpinnya menyeleweng atau melakukan perkara yang melanggar perintah Allah s.w.t. Kepimpinan Rasulullah s.a.w. dan diteladani oleh para khulafa al-Rasyidin adalah berteraskan kebersihan jiwa, keikhlasan dan pengabdian sepenuhnya kepada Allah s.w.t. Kunci kekentalan peribadi dan kepimpinan mereka ialah berpegang teguh kepada al-Quran. Justeru, kefahaman terhadap segala prinsip dan konsep kepimpinan dari perspektif Islam ini akan menjadi teras kepada pelaksanaan dasar-dasar kerajaan seperti; konsep MIB (Melayu Islam Beraja) dan Brunei Negara Zikir di peringkat kepimpinan akar umbi.

**PERLAKSANAAN SYARIAH DALAM ERA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH: MERCU TANDA KEGEMILANGAN ISLAM KONTEMPORARI**

**Abdurrahman Raden Aji Haqqi
Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)**

Pada ketika negara-negara Islam dalam proses mengurangi pengaruh undang-undang Islam dalam sistem perundangannya, Negara Brunei Darussalam mengambil langkah sebaliknya. Negara Brunei Darussalam malah memperkukuh perundangan Islam dalam sistem pentadbirannya secara keseluruhannya. Pada ketika negara-negara di dunia sibuk dengan kemajuan duniawi, Negara Brunei Darussalam berani melihat ke hadapan dengan mengambil kira kehidupan ukhrawi dengan Gagasan dan pelaksanaan Negara Zikir. Pada ketika negara-negara lain mempromosikan keagungan hidup dunia, Negara Brunei Darussalam sedang dalam menyempurnakan negara dengan sifat Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur. Undang-undang Syariah yang kukuh; Negara Zikir yang dicita-citakan; dan Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur yang sedang disempurnakan merupakan tonggak kemajuan Negara Brunei Darussalam yang berpaksikan alam yang kekal pada hari kendala sebagaimana yang sentiasa dikumandangkan dan ditegaskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selama pemerintahan Baginda dari 5 Oktober 1967 hingga hari ini. "Adalah menjadi hasrat Beta dan Kerajaan Beta untuk terus memelihara ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Waljama'ah sebagai suatu cara hidup dan landasan kepada pentadbiran Kerajaan Negara Brunei Darussalam – sesuai dengan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi Negara." (Petikan Titah sempena pembukaan rasmi Persidangan Belia Islam Asia Tenggara dan Pasifik di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada 18 Mac 1984) Kertas kerja ini menggunakan metod deskripsi dan kajian perpustakaan di mana ia membaca, memerhati, mengkaji dan menganalisis rujukan-rujukan yang sedia ada. Dan sebagai temuan akhir kertas kerja ini didapati bahawa pelaksanaan Syariah dalam era Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah merupakan mercu tanda kegemilangan Islam kontemporari yang menjadikan Negara Brunei Darussalam mempunyai karakter, kecemerlangan dan keunggulan tersendiri dalam kancah pergumulan perjalanan negara-negara di dunia hari ini.

Kata-kata Kunci: syariah – era KDYMM Sultan – fenomena – cemerlang

INSTITUSI FATWA: KEPIMPINAN DAN WAWASAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Ustaz Haji Dennie bin Haji Abdullah
Pegawai Istinbat Kanan,
Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri**

Peranan dan tanggungjawab institusi fatwa sebagai pihak yang menerangkan, menghuraikan dan menyampaikan hukum-hakam Islam dalam negara Islam adalah penting sebagai salah satu komponen dalam pentadbiran negara. Ia merupakan tanggungjawab negara bagi menunaikan tuntutan fardhu kifayah agar kepentingan dan kemaslahatan agama terpelihara. Di Negara Brunei Darussalam inisiatif mewujudkan institusi fatwa dan mufti dicetuskan oleh wawasan bijaksana Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Yang Ke-28, yang kemudiannya diperkembangluaskan dan dipertingkatkan martabat dan peranannya melalui kepimpinan dan wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di sepanjang 50 tahun pemerintahan baginda. Institusi fatwa di Negara Brunei Darussalam sejak dari penubuhannya pada tahun 1962 hinggalah sekarang telah mengalami tiga peringkat penyesuaian dari segi pentadbiran. Perkembangan mutakhir ialah penubuhan Jabatan Mufti Kerajaan pada tahun 1994 di atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang meletakkan Mufti Kerajaan bertanggungjawab terus kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tanpa melalui sesiapaapun dalam menyembahkan apa sahaja yang berkaitan dengan tugas-tugasnya sebagai Mufti Kerajaan. Langkah tersebut mencerminkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap institusi fatwa supaya agama Islam berada dipaksinya yang sewajarnya agar amanah Allah tetap utuh dan kuat serta syiar dan status ugama Islam di Negara Brunei Darussalam berada di landasan yang sepatutnya.

50 TAHUN; PERKEMBANGAN DAN PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI YANG MAPAN

Dr. Kamaru Salam bin Yusof
Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah Menaiki Takhta pada 5 Oktober 1967. Bermula dari tarikh tersebut, pelbagai pembaharuan dan pembangunan telah dilaksanakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam demi untuk kemaslahatan dan kebaikan Negara Brunei Darussalam dan penduduknya. Antara aspek penting yang dilaksanakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah perkembangan dan pembangunan ekonomi. Ekonomi adalah satu aspek yang amat penting terutama di zaman moden ini apabila manusia dan dunia mula menjadi satu kampung dengan alat komunikasi dan perhubungan yang canggih dan cepat. Banyak negara-negara yang kecil dan mempunyai penduduk yang sedikit telah melonjak naik di mata dunia hanya semata-mata kemajuan ekonomi yang dicapai mereka. Kekuatan ekonomi juga telah menjadikan banyak negara disegani dan digeruni. Keadaan ini disedari oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sejak awal lagi dan Baginda telah mengorak langkah untuk menaikkan nama Negara Brunei di mata dunia. Dengan sumber alam yang dianugerahi oleh Allah dan keberkatan-Nya, Negara Brunei Darussalam mula menapak dan muncul menjadi satu negara yang tidak kurang pentingnya terutama di rantau Asia Tenggara khususnya. Ini dilaksanakan dengan pelbagai cara dan semuanya adalah berlandaskan Syariat Islam yang suci. Suatu yang amat ketara dalam pembangunan ekonomi Negara Brunei Darussalam ialah perkembangan ekonominya yang memenuhi ciri dan masolih Islam, serasi dengan pembangunan dalam aspek lain yang dilaksanakan. Cara yang mutakamil ini telah melahirkan hasil dan keberkatan yang tidak dapat ditandingi oleh negara-negara lain yang hanya mementingkan pembangunan material dan fizikal sahaja. Pembentangan ini akan menyerlahkan aspek-aspek kemajuan tersebut sepanjang 50 Tahun Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Perbandingan akan dibuat dari semua sudut dan ianya membuktikan bahawa keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap perkembangan dan keseimbangan ini telah memberikan hasil yang boleh dijadikan model dan panduan oleh negara-negara Islam yang lain dan bahkan oleh semua negara dunia.

Kata Kunci: Sosio-ekonomi Brunei, Sultan Brunei, Ekonomi Islam.

KEUSAHAWANAN DAN KEWANGAN ISLAM MENJANA EKONOMI BERKAT: MANIFESTASI KEPIMPINAN BERDAULAT NEGARA BERKAT

Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar

Pengarah Pusat Ilmu Teras

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)

Keberkatan adalah sesuatu yang wujud dan perlu diyakini yang datangnya hanya daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Pada hakikatnya ruang lingkup berkat itu sangat luas dan meliputi berbagai aspek kehidupan sebagaimana yang disebutkan dan dapat difahami dari al-Quran dan hadith, termasuklah dalam bidang ekonomi. Ekonomi berkat – in shaa Allah – adalah ekonomi yang akan tumbuh dengan pesat, bertahan lama dan keamanan serta kesejahteraan juga akan dapat dinikmati berterusan kerananya. Dalam kertas ini akan membicarakan mengenai dua bidang terpenting dalam ekonomi Islam, iaitu keusahawanan dan kewangan Islam dalam konteks menjana ekonomi yang berkat. Kepentingan keusahawanan tidak dapat disangkalkan lagi, di Negara Brunei Darussalam kerajaan amat giat berusaha dalam memupuk budaya keusahawanan khususnya di kalangan belia. Keusahawanan dengan berbagai bidangnya adalah perkara penting dalam pembangunan ekonomi kerana ia merupakan wasilah yang boleh memperkuat punca-punca ekonomi, dan boleh mengembling tenaga ke arah kehidupan yang baik. Ia dianggap oleh Islam sebagai usaha positif manusia dalam pemakmuran alam. Manakala sistem kewangan Islam pula satu sistem yang dilahirkan melalui wahyu Allah yang bererti sistem ini berlandaskan al-Quran sebagai sumber utama yang memacu perlaksanaannya. Sistem kewangan Islam kini sedang giat berkembang dalam pelaksanaan dan pengamalannya di Negara Brunei Darussalam. Keusahawanan yang diceburi dan kewangan Islam yang dilaksanakan itu tidak hanya bermatlamat untuk mendapat keuntungan semata-mata. Sebaliknya, keduanya itu merupakan alat ke arah mendapat keredhaan Allah melalui kegiatan keusahawanan dan kewangan yang berpandukan kepada syariah, etika dan nilai-nilai Islam yang digariskan yang akan membawa kesejahteraan kepada umat secara keseluruhannya dan tidak syak lagi akan memperolehi keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Kata Kunci: keusahawanan, kewangan Islam, ekonomi, berkat.



*Gambar-Gambar Ristaan
Majlis Ilmu 2016*



















*Senarai
Ahli Jawatankuasa
Majlis Ilmu 2017*

SENARAI AHLI JAWATANKUASA PANDU MAJLIS ILMU 2017

Penasihat

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia
Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned
Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam

Pengerusi Bersama

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia
Dr. Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia
Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim
Menteri di Jabatan Perdana Menteri & Menteri Kewangan II (Kedua)

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman
Menteri Hal Ehwal Ugama

Timbalan Pengerusi Bersama

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar
*Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Keselamatan dan Media)*

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud
*Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Korporat, PENGGERAK dan Ekonomi)*

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Jamain bin Haji Julaihi
*Timbalan Menteri (Tenaga) dan Perindustrian
Jabatan Perdana Menteri*

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama

Setiausaha Bersama

Yang Mulia Datin Dayang Elinda binti Haji C.A. Mohamed
*Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri
dan Pengarah Biro Mencegah Rasuah*

Yang Mulia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka
Haji Mohammad Yusof
*Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri*

Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya
Maharaja Lela Haji Yusof
*Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama*

Ahli-Ahli

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman
Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Pengiran Datin Shazainah binti Pengiran Dato Paduka Shariffuddin
Setiausaha Tetap (Antarabangsa)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Mohamed Riza bin Dato Paduka Haji Mohamed Yunos
Setiausaha Tetap (Media & Kabinet)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad
Setiausaha Tetap (Korporat dan Pentadbiran Awam)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah
Setiausaha Tetap (Perindustrian)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Haji Kamaluddin bin Bungsu
Setiausaha Tetap (Tenaga)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal
Rektor
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Yang Mulia Dr. Haji Adanan bin Haji Basar
Pemangku Ra'es
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)

Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab
Timbalan Setiausaha Tetap (IT, E-Kerajaan & Industri)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad
Timbalan Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Abdul Walid bin Haji Matassan
Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat & Pentadbiran Awam)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Pengiran Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra
Timbalan Setiausaha Tetap (Kuasa Elektrik, IT dan E-Kerajaan)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali
Timbalan Ketua PENGGERAK
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Haji Idris bin Haji Ali
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia Awang Haji Mohammad Sunadi bin Haji Buntar
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia Awang Roslan bin Haji Taja'ah
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia Awang Haji Serudin bin Haji Timbang
Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia Awang Misle bin Haji Abdul Karim
Pegawai Daerah Brunei dan Muara
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia Awang Haji Azmi bin Haji Abd Rahim
Pemangku Pegawai Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia Awang Shamsul Bahrin bin Haji Md. Hussain
Pegawai Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud
Pegawai Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Ketua Urusetia Bersama

Yang Mulia Awang Abdul Walid bin Haji Matassan
Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat & Pentadbiran Awam)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Haji Idris bin Haji Ali
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia Awang Haji Mohammad Sunadi bin Haji Buntar
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia Awang Roslan bin Haji Taja'ah
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia Awang Haji Serudin bin Haji Timbang
Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Timbalan Ketua Urusetia Bersama

Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim
*Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan
Jabatan Perdana Menteri*

Yang Mulia Awang Abdul Hadi bin Haji Husin
*Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan
Jabatan Perdana Menteri*

Yang Mulia Awang Omsarule bin Haji Awang Omar
*Pegawai Pentadbir Tingkat Khas
Jabatan Perdana Menteri*

Yang Mulia Awang Haji Ahmad Nizam bin Dato Paduka Haji Ismail
*Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri*

Yang Mulia Awang Nor Aidil bin Haji Abu Bakar
*Penolong Pengarah
Ketua Bahagian Pengurusan dan Penyelarasan Acara
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri*

Yang Mulia Dayang Jaimah binti Tuah
*Ketua Bahagian Kuasa-Kuasa Tempatan dan Perpaduan Masyarakat
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri*

Yang Mulia Dayang Hajah Noorlydiawati binti Haji Mohd Zamain
*Pegawai Pentadbir Tingkat 1
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri*

Yang Mulia Dayang Hajjah binti Haji Moktal
*Pemangku Pengarah Pengajian Islam
Kementerian Hal Ehwal Ugama*

Yang Mulia Awang Haji Madzneh bin Haji Mohd. Noor
*Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam
Kementerian Hal Ehwal Ugama*

Yang Mulia Dayang Hajah Omi Klsun binti Haji Mohd. Noor
*Pegawai Pelajaran Ugama Kanan
Kementerian Hal Ehwal Ugama*

Yang Mulia Awang Mohd. Sofian bin Haji Basri
*Pegawai Pentadbir Tingkat Khas / Pemangku Penolong Pengarah Pentadbiran
Kementerian Hal Ehwal Ugama*

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KERJA MAJLIS ILMU 2017

JAWATANKUASA KERJA MAJLIS PERASMIAN MAJLIS ILMU 2017

Pengerusi Bersama

Yang Mulia Datin Dayang Elinda binti Haji C.A. Mohamed
*Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri
dan Pengarah Biro Mencegah Rasuah*

Yang Mulia Awang Abdul Motalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka
Haji Mohammad Yusof
*Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri*

Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela
Haji Yussof
*Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama*

Timbalan Pengerusi Bersama

Yang Mulia Awang Abdul Walid bin Haji Matassan
*Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat & Pentadbiran Awam)
Jabatan Perdana Menteri*

Yang Mulia Awang Haji Mohammad Sunadi bin Haji Buntar
*Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri*

Yang Mulia Awang Haji Serudin bin Haji Timbang
*Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama*

JAWATANKUASA KERJA CERAMAH PERDANA MAJLIS ILMU 2017

Pengerusi

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin
Haji Mohd. Daud
*Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Korporat, PENGGERAK dan Ekonomi)*

Timbalan Pengerusi Bersama

Yang Mulia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad
*Setiausaha Tetap (Korporat dan Pentadbiran Awam)
Jabatan Perdana Menteri*

Yang Mulia Awang Abdul Motalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka
Haji Mohammad Yusof
*Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri*

Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela
Haji Yussof
Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama

JAWATANKUASA KERJA FORUM PERDANA MAJLIS ILMU 2017

Pengerusi

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama

Timbalan Pengerusi Bersama

Yang Mulia Awang Haji Mohammad Sunadi bin Haji Buntar
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

JAWATANKUASA KERJA PAMERAN MAJLIS ILMU 2017 (MajlEx2017)

Pengerusi Bersama

Yang Mulia Datin Dayang Elinda binti Haji C.A. Mohamed
Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri
dan Pengarah Biro Mencegah Rasuah

Yang Mulia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka
Haji Mohammad Yusof
Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela
Haji Yussof
Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Timbalan Pengerusi Bersama

Yang Mulia Awang Haji Idris bin Haji Ali
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia Awang Roslan bin Haji Taja'ah
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof
Pemangku Ketua Pegawai Istibat
Jabatan Mufti Kerajaan

JAWATANKUASA KERJA SEMINAR MAJLIS ILMU 2017

Pengerusi Bersama

Yang Mulia Datin Dayang Elinda binti Haji C.A. Mohamed
*Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri
dan Pengarah Biro Mencegah Rasuah*

Yang Mulia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka
Haji Mohammad Yusof
*Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri*

Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela
Haji Yusof
*Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama*

Yang Mulia Dr. Haji Adanan bin Haji Basar
*Pemangku Ra'es
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)*

Timbalan Pengerusi Bersama

Yang Mulia Awang Haji Idris bin Haji Ali
*Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri*

Yang Mulia Awang Roslan bin Haji Taja'ah
*Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama*

Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof
*Pemangku Ketua Pegawai Istibat
Jabatan Mufti Kerajaan*

JAWATANKUASA KERJA PELAPOR DAN DOKUMENTASI MAJLIS ILMU 2017

Pengerusi

Yang Mulia Dr. Haji Adanan bin Haji Basar
*Pemangku Ra'es
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)*

Timbalan Pengerusi Bersama

Yang Mulia Dr. Abang Hazmin bin Haji Abang Taha
*Timbalan Ra'es
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)*

Yang Mulia Dr. Hajah Mas Suriaia Wati binti Haji Abdul Hamid
*Timbalan Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri*

JAWATANKUASA KERJA KELENGKAPAN MAJLIS ILMU 2017

Pengerusi

Yang Mulia Awang Haji Kamaluddin bin Bungsu
Setiausaha Tetap (Tenaga)
Jabatan Perdana Menteri

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Awang Roslan bin Haji Taja'ah
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama

JAWATANKUASA KERJA PENYIARAN, PENERANGAN DAN PERCETAKAN MAJLIS ILMU 2017

Pengerusi

Yang Mulia Awang Mohamed Riza bin Dato Paduka Haji Mohamed Yunos
Setiausaha Tetap (Media & Kabinet)
Jabatan Perdana Menteri

Timbalan Pengerusi Bersama

Yang Mulia Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu
Pengarah Jabatan Radio & Televisyen Brunei
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Mawardi bin Haji Mohammad
Pemangku Pengarah Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Haji Kamarul Azam bin Haji Mohammad
Pemangku Pengarah Percetakan
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Shahminan bin Tengah
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia Awang Hasan Baha bin Haji Umar
Ketua Bahagian Perhubungan Awam
Kementerian Hal Ehwal Ugama

JAWATANKUASA KERJA KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN MAJLIS ILMU 2017

Pengerusi Bersama

Yang Mulia Awang Mohamed Riza bin Dato Paduka Haji Mohamed Yunos
Setiausaha Tetap (Media & Kabinet)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam
Pesuruhjaya Polis
Pasukan Polis Diraja Brunei
Jabatan Perdana Menteri

Timbalan Pengerusi Bersama

Yang Mulia Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said
Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad
Pegawai Pentadbir Tingkat Khas
Bahagian Keselamatan dan Penguatkuasaan
Jabatan Perdana Menteri

JAWATANKUASA KERJA JAMUAN MAJLIS ILMU 2017

Pengerusi Bersama

Yang Mulia Awang Abdullah bin Haji Ahad
Pengarah Keanggotaan & Pentadbiran Latihan
Jabatan Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Haji Ismail bin Haji Murad
Pengarah Penjara
Jabatan Penjara
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia Awang Haji Zulkifli bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah
Pengarah Pentadbiran
Kementerian Hal Ehwal Ugama

JAWATANKUASA KERJA JEMPUTAN DAN PROTOKOL MAJLIS ILMU 2017

Pengerusi

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman
Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Haji Serudin bin Haji Timbang
Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia Awang Haji Razali bin Haji Badar
Pegawai Protokol
Jabatan Adat Istiadat Negara
Jabatan Perdana Menteri

JAWATANKUASA KERJA CENDERAMATA DAN SIJIL MAJLIS ILMU 2017

Pengerusi Bersama

Yang Mulia Dayang Hajah Zakiah binti Haji Taib
*Pemangku Pengarah Hal Ehwal Syariah
Kementerian Hal Ehwal Ugama*

Yang Mulia Awang Ajman bin Haji Maludin
*Pesuruhjaya Buruh
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri*

JAWATANKUASA KERJA MAJLIS RESEPSI / PENGHARGAAN MAJLIS ILMU 2017

Pengerusi Bersama

Yang Mulia Awang Abdul Ghani bin Haji Othman
*Pegawai Pentadbir Kanan
Jabatan Perdana Menteri*

Yang Mulia Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop
*Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei
Kementerian Hal Ehwal Ugama*

Yang Mulia Awang Reduan bin Haji Ahmad
*Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri*

Yang Mulia Awang Haji Adanan bin Haji Adam
*Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Tutong
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri*

JAWATANKUASA KERJA PERSEMBAHAN MAJLIS ILMU 2017

Ketua Persembahan

Yang Mulia Awang Haji Mohd. Ideni bin Haji Ahmad
*Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I
Jabatan Perdana Menteri*

Timbalan Ketua Persembahan

Yang Mulia Awang Haji Md. Aziman bin Haji Tengah
*Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II
Bahagian Kuasa-Kuasa Tempatan dan Perpaduan Masyarakat
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri*





Penghargaan



Penghargaan

Pengerusi Bersama dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2016 Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun

Dengan hati yang tulus ikhlas
Sukacita merakamkan Penghargaan dan Ucapan Terima Kasih
Setinggi-tingginya kepada

Jawatankuasa Kerja

Jawatankuasa Kecil

Ahli-Ahli Urusetia

Penaja-Penaja

Serta

Semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung Dalam menjayakan
Majlis Ilmu 2017

Semoga segala bentuk sumbangan yang diberikan berupa buah fikiran, tenaga, wang ringgit serta sokongan dan dukungan padu semua pihak ke arah kejayaan Majlis Ilmu 2016 akan menerima balasan dan ganjaran yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Marilah kita sama-sama mendoakan agar Majlis Ilmu akan terus mekar bagi mewujudkan generasi yang beriman, berilmu dan beramal demi kemakmuran tanah air tercinta dan kesejahteraan bangsa berlandaskan ajaran Islam.

Catatan

Catatan

Catatan

Dicetak oleh
Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

